

ACE 500MG TABLET

Paracetamol (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ace
2. Bagaimana Ace berfungsi
3. Sebelum mengambil Ace
4. Cara menggunakan Ace
5. Semasa menggunakan Ace
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ace
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ace

Ace digunakan untuk melegakan kesakitan dan demam.

Bagaimana Ace berfungsi

Ace berfungsi untuk menghentikan pesanan kesakitan daripada sampai ke otak. Ia juga bertindak di dalam otak untuk mengurangkan demam.

Sebelum mengambil Ace

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap:

- Paracetamol
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek atau jika bungkusan koyak atau terdapat tanda dibuka.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan, pengawet atau pewarna.

Tiada kesan sampingan telah direkodkan semasa kehamilan.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan termasuk:

- Penyakit hati
- Ketagihan alkohol

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Ace boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Anda harus selalu memeriksa dengan doktor jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan ini:

- Warfarin (ubat antikoagulan)
- *Metoclopramide* (ubat untuk masalah loya dan muntah)
- *Chloramphenicol* (antibiotik)
- *Probenecid* (ubat untuk merawat gout)
- *Cholestyramine* (ubat untuk mengurangkan kolesterol)
- *Rifampicin* (ubat untuk merawat tibi)
- *Carbamazepine*, *phenobarbital*, *phenytoin* atau *primidone* (ubat untuk merawat sawan)
- Interferon alfa dan *zidovudine* (antivirus)

Doktor dan ahli farmasi mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Ace.

Cara menggunakan Ace

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Orang dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas:

Ambil 1 (0.5g) – 2 (1g) biji setiap 4 hingga 6 jam, maksimum 8 (4g) biji sehari.

Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun: ½ (250mg) – 1 (0.5g) biji setiap 4 hingga 6 jam dengan maksimum 4 dos dalam masa 24 jam.

- Bila perlu digunakan

Mengambil Ace seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Ace seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Jika simptom berlanjutan, jumpa doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Ace, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Kerosakan hati mungkin berlaku dalam penggunaan berpanjangan atau dos berlebihan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Ace

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Ace.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Ace.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Ace untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Jangan mengambil ubat ini jika anda alah terhadap paracetamol.

Ubat ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan mengambil ubat yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

Amaran alahan: Ace boleh menyebabkan tindak balas kulit yang teruk. Tanda-tanda alahan termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam. Ini boleh menjadi tanda-tanda serius. Jika tanda-tanda ini berlaku, berhenti

mengambil ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan secepat mungkin.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang

keimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Apabila diambil dalam dos yang disyorkan, kesan sampingan daripada Ace jarang berlaku dan biasanya ringan. Tindak balas hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, bengkak bawah kulit, sindrom *Stevens Johnson/Toxic Epidermal Necrolysis* telah dilaporkan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman website npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Ace

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat kering bersuhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Ace atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil Paracetamol atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk kaplet yang berwarna putih hingga hampir putih mempunyai garis putus dan ukiran "Ace" di satu sisi & ukiran "SQUARE" di sisi lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Paracetamol

- Bahan tidak aktif

Pregelatinized starch, magnesium stearate, povidone dan purified water

- Nombor MAL

MAL25036141XZ

Pengilang

Square Pharmaceuticals PLC.

Dhaka Unit, Kaliakoir, Gazipur – 1750, Bangladesh

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn.Bhd

B-1-07, Jalan SS 25/22,

Taman Mayang,

47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

27/05/2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/011